

ACH - 9955

6/2/01
INV.....

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

ANALISIS JENIS DAN POLA AYAT
DALAM KARANGAN BAHASA MELAYU PELAJAR
SEKOLAH RENDAH

Sabariah bt. Hassan

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Pendidikan,
Universiti Malaya Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada
Keperluan Untuk Ijazah Sarjana Pendidikan
1999

Perpustakaan Universiti Malaya



A510142919

OK

PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur ke hadrat Allah (s.w.t) kerana dengan keizinan-Nya projek ini telah dapat disempurnakan tanpa banyak masalah.

Kejayaan projek ini juga adalah atas nasihat, bimbingan, tunjuk ajar dan idea-idea yang bernas yang diberikan oleh penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr. Saedah bt. Siraj. Sekalung penghargaan saya tujukan kepada beliau.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada sahabat-sahabat saya iaitu Pn. Normah bt. Musa, Pn. Rasidah Jonet dan Saudara Paizul Hisham b. Zakaria kerana sumbangan tenaga yang mereka curahkan bagi menjayakan projek ini.

Akhir sekali ucapan penghargaan saya tujukan kepada suami dan anak-anak kerana sentiasa mendoakan kejayaan saya di samping kerjasama yang mereka curahkan demi kejayaan projek ini. Pengorbanan mereka selama ini amat saya hargai.

Sabariah bt. Hassan

Universiti Malaya

ABSTRAK

Kajian ini cuba mendapatkan data mengenai pemilihan jenis-jenis ayat dan pola-pola ayat di samping mengenal pasti aspek kelemahan dalam ayat dalam penulisan karangan Bahasa Melayu pelajar-pelajar sekolah rendah.

Subjek dalam kajian ini ialah seramai empat orang pelajar sekolah rendah di sebuah sekolah di Kuala Lumpur. Daripada empat orang subjek, dua orang adalah pelajar darjah tiga dan dua orang lagi ialah pelajar-pelajar darjah lima. Pemilihan subjek adalah secara rawak. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan iaitu dua belas buah karangan yang ditulis oleh subjek tersebut. Setiap subjek diminta mengarang tiga buah karangan iaitu karangan jenis fakta, naratif dan ekspositori. Bentuk karangan yang berbagai itu dipilih bertujuan supaya pelajar dapat menggunakan pelbagai gaya penulisan berdasarkan jenis karangan.

Penentuan jenis dan pola ayat Bahasa Malaysia dalam kajian ini adalah berdasarkan Buku Tatabahasa Dewan, Edisi Baru oleh Nik Safiah Karim dan rakan-rakannya. Pengkaji membahagikan jenis-jenis ayat kepada ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan dan ayat perintah. Manakala pola atau ragam ayat dibahagikan kepada ayat tunggal, ayat tunggal pasif, ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan relatif, ayat majmuk pancangan komplimen , ayat majmuk pancangan keterangan, ayat kompleks dan ayat majmuk pasif.

Pada amnya, pelajar-pelajar darjah tiga lebih gemar menggunakan pola ayat tunggal biasa dan ayat tunggal pasif manakala pelajar darjah lima paling banyak menggunakan ayat kompleks di samping ayat majmuk. Kedua-dua kumpulan pelajar gemar menggunakan ayat pasif sama ada ayat tunggal dan juga ayat majmuk.

Penemuan kajian ini dapat memberi manfaat bagi perancangan Kurikulum Bahasa Malaysia peringkat sekolah rendah. Diharapkan kajian yang lebih lanjut dapat dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain dalam skop yang lebih luas lagi.

ABSTRACT : An Analysis of the Types and Structure of Sentence in Bahasa Malaysia Compositions Written by Primary Students

The objectives of this study is to identify the types and structure of sentences being used by standard three and five primary students in Bahasa Malaysia compositions in a primary school. This study used the sampling method by analyzing twelve compositions written by four subjects. Two subjects were in Standard Three and the other two were in Standard Five. Each subject was asked to write three types of composition which were factual, narrative and expository. The subjects were selected at random. The researcher found that the Standard Three students frequently used simple and passive sentence structures compared to the Standard Five students who tended to use complex sentences more frequently. Both group very seldom used compound sentences in their compositions. This finding may be useful for Primary School Curriculum Planners especially for Bahasa Malaysia language teachers so that they can find a more appropriate approach to teaching these groups of children. It is hoped that there will be further in-depth studies made in the future of this area so that they can discover further information in greater detail that will create increased understanding within this field of research.

SENARAI JADUAL**HALAMAN**

Jadual 1 :	Jenis dan Pola Ayat Karangan Darjah Tiga	36
Jadual 2 :	Pola Ayat Darjah Tiga	37
Jadual 3 :	Peratusan Bagi Setiap Jenis dan Pola Ayat Subjek Darjah Tiga	41- 42
Jadual 4 :	Pola Ayat Darjah Lima	43
Jadual 5 :	Peratusan Bagi Setiap Jenis dan Pola Ayat Subjek Darjah Lima	49
Jadual 6 :	Peratusan Perbezaan Jenis dan Pola Ayat Yang Digunakan Olch Subjek Darjah Tiga	50

SENARAI RAJAH

HALAMAN

MODEL PENULISAN KARANGAN

58

KANDUNGAN

HALAMAN

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv - v
ABSTRACT	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
KANDUNGAN	ix - x

BAB 1	PENDAHULUAN	
1.0	Pengenalan	1 - 3
1.1	Penyataan Masalah	4 - 7
1.2	Signifikan Kajian	7 - 8
1.3	Tujuan Kajian	8
1.4	Soalan Kajian	9
1.5	Batasan Kajian	9
1.6	Huraian Definisi Dan Istilah	10
 BAB 2		 TINJAUAN KARYA DAN KAJIAN YANG BERKAITAN
2.1	Pendahuluan	11
2.2	Kajian Luar Negeri	12 - 16
2.3	Kajian Dalam Negeri	16 - 18
 BAB 3		 KAEDAH DAN PROSEDUR
3.0	Pengenalan	19
3.1	Kaedah	19
3.2	Prosedur	19 - 20
3.3	Subjek	20
3.3.1	Subjek Darjah Tiga	21
3.3.2	Subjek Darjah Lima	22
3.4	Buku Panduan	23
3.5	Jenis-jenis Ayat	23

3.6	Pola-pola Ayat	24
a)	Ayat Tunggal	25
b)	Ayat Majmuk	26 - 31
c)	Ayat Majmuk Campuran	31
d)	Ayat Majmuk Relatif	32
e)	Ayat Majmuk Komplimen	32
f)	Ayat Aktif dan Ayat Pasif	32 - 33
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.0	Pengenalan	34
4.1	Analisis Data	34 - 35
4.2	Jenis dan Pola Ayat Karangan Darjah Tiga	36 - 42
4.3	Jenis dan Pola Karangan Darjah Lima	42 - 48
4.4	Perbezaan Jenis dan Pola Ayat Yang Digunakan oleh Subjek Darjah Tiga dan Lima	50 - 52
BAB 5	RUMUSAN	
5.1	Pengenalan	53
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	53 - 55
5.3	Implikasi	55 - 56
5.4	Cadangan	56 - 57
	BIBLIOGRAFI	59 - 61